



PERBINCANGAN sesama ahli ketika latihan dalam kumpulan untuk menghasilkan cerita pendek melalui sumbang saran sesama ahli.



FASILITATOR membantu peserta dalam menyiapkan tugas diberikan.



MOHAMAD Hussin (kiri) mengiringi Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar, Fakulti Bahasa dan Linguistik, UM, Siti Zaidah Zainuddin menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemenang pertandingan.



PESERTA dan fasilitator dalam Kem Bahasa Arab Nusantara 2.0 dan sambutan Hari Bahasa Arab Sedunia berlangsung.

BAHASA adalah alat komunikasi yang digunakan manusia untuk menyampaikan maksud dan tujuan. Sebagaimana kita maklum, bahasa di seluruh dunia adalah pelbagai. Namun di antara kepelbagaian itu, bahasa Arab menjadi bahasa istimewa terutama kepada umat

Sambutan Hari Bahasa Arab Sedunia 2022

Islam. Ia istimewa bukan sahaja kerana ia adalah bahasa al-Quran iaitu yang memberi panduan dan petunjuk kepada manusia. Lebih daripada itu, ia juga adalah bahasa syurga. Hampir sedekad lalu, bahasa Arab mendapat pengiktirafan besar di peringkat antarabangsa. Ini apabila pada 18 Disember 1973, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mengiktiraf bahasa Arab sebagai salah satu bahasa rasmi pertubuhan utama dunia berkenaan. Sejak itu, tarikh 18 Disember setiap tahun akan dikenang dan disambut sebagai Hari Bahasa Arab Sedunia. Pelbagai acara dan sambutan dijalankan pada tarikh berkenaan sebagai usaha memartabatkan bahasa Arab di persada dunia. Sebagai merayakan detik penting ini, Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa-bahasa Timur Tengah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya (UM) mengambil inisiatif



PESERTA mengadakan persembahan dikir barat dalam bahasa Arab.

menganjurkan Kem Bahasa Arab Nusantara 2.0 dan sambutan Hari Bahasa Arab Sedunia secara besar-besaran dan meriah. Ketua Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa-bahasa Timur Tengah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, UM, Dr. Mohamad Hussin berkata, objektifnya adalah terus menggalakkan pelajar bertutur dengan bahasa ini, menggunakannya dalam komunikasi harian dan memartabatkan bahasa yang agung ini dengan mengaplikasikannya dalam komunikasi seharian.



di Universiti Malaya, baru-baru ini.

Bahasa Arab di UM meriah



PESERTA dari Universiti Sultan Azlan Shah, Perak melakukan pendaftaran di lokasi penginapan (Urban Living, Mahsa).

"Ia turut memberi pendedahan kepada peserta mengenai budaya dan bahasa Arab kepada masyarakat umum," katanya yang juga Penasihat Program Sambutan Hari Bahasa Arab Sedunia.

Kem Bahasa Arab Nusantara 2.0 disertai oleh 52 pelajar daripada institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara.

Antaranya Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Universiti luar negara terabit ialah Universitas Ahmad Dahlan, Yogyakarta, Indonesia dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam.

Pelbagai aktiviti menarik diadakan sepanjang kem berlangsung.

Antaranya pertandingan mencipta logo dan sorakan kumpulan, eksplorasi, latihan dalam kumpulan, malam kebudayaan Arab dan pelbagai lagi.

Menepati tema bahasa Arab, sepanjang kem berlangsung, semua peserta dan fasilitator terlibat, wajib menggunakan Bahasa Arab sepenuhnya dalam komunikasi sesama mereka.

Ia sebagai satu bentuk latihan untuk memperkasa kemahiran bertutur Bahasa Arab masing-masing.

Kem berlangsung selama 18 hari itu turut memberi peluang kepada wakil setiap universiti, berkongsi idea menjayakan pelbagai pertandingan dan festival daripada setiap universiti yang terlibat.

Antaranya Pertandingan dianjurkan ialah *E-Comic* yang dikendalikan oleh UiTM, pertandingan *Arabic Got Talent* yang

dikelolakan oleh UPM dan pertandingan *Minecraft* pula dikendalikan oleh USIM.

Sementara itu Seminar Antarabangsa Bahasa dan Kebudayaan Arab pula dikendalikan oleh UKM, manakala forum dalam talian mengenai isu-isu berkaitan bahasa Arab untuk tujuan khusus pula dikendalikan oleh UIA Pagoh.

UM selaku penganjur utama menganjurkan Kem Bahasa Arab Nusantara 2.0.

Kemuncaknya ialah sambutan Hari Bahasa Arab Sedunia pada 18 Disember lalu.